



NOTIS PEMBERITAHUAN

KAWALAN PERGERAKAN DI BAWAH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) – FASA 1

**KEPADА : SEMUA PEMILIK / PENGUSAHA PREMIS PERNIAGAAN YANG BERLESEN
DALAM KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH TANGKAK**

TARIKH : 20 OGOS 2021

MAKLUMAN TERKINI

Menerusi kenyataan media YAB Perdana Menteri Malaysia pada 19 Ogos 2021, beberapa kemudahan akan diberikan kepada individu-individu yang **TELAH LENGKAP VAKSINASINYA** apabila memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- a) Bagi jenis vaksin yang memerlukan dua (2) dos suntikan (**Pfizer, AstraZeneca, dan Sinovac**), individu berkenaan mestilah telah **melepasі hari ke-14 dari tarikh suntikan dos kedua**; dan
- b) Bagi jenis vaksin yang hanya memerlukan satu (1) dos suntikan (**Johnson & Johnson dan CanSino**), individu berkenaan **mestilah telah melepasі hari ke-28 dari tarikh suntikan**

Kemudahan-kemudahan tambahan yang dibenarkan bagi sektor sosial secara amnya adalah seperti berikut:

- a. Aktiviti *Dine-In* kini **DIBENARKAN** bagi negeri-negeri **Fasa 1 PPN** dan seterusnya:
 - i. Pengusaha-pengusaha premis kedai makan disarankan supaya **menyediakan lebih banyak ruang tempat makan di bahagian luar premis dengan mendapatkan kebenaran dari Majlis Daerah Tangkak bagi pengudaraan yang lebih baik**. Risiko penyebaran virus COVID-19 adalah jauh lebih tinggi di dalam premis berbanding di luar.
 - ii. Pemilik premis kedai makan perlu pastikan mereka yang memasuki premis untuk *dine-in* **MESTI** menunjukkan **sijil digital vaksinasi COVID-19 (digital certificate COVID-19 vaccination)** yang menunjukkan bahawa individu tersebut **telah menerima vaksinasi lengkap**.
 - iii. Bagi pasangan yang telah menerima vaksinasi lengkap dan ingin membawa anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah untuk *dine-in* di premis kedai makan, pastikan anak-anak anda mematuhi SOP yang ketat.
- b. Aktiviti sukan, rekreasi dan riadah **tanpa sentuhan fizikal** dan bukan berkumpulan (*outdoor*) juga **DIBENARKAN** bagi negeri-negeri **Fasa 1 PPN** dan seterusnya serta terpakai di dalam **daerah yang sama sahaja**.

- i. Aktiviti sukan dan rekreasi amat penting bagi memastikan tahap kesihatan minda dan kecergasan fizikal yang baik. Oleh itu, aktiviti ini **dibenarkan** dengan mematuhi penjaraan fizikal dan dilakukan di kawasan terbuka (*outdoor*) termasuk separa terbuka bermula jam 6.00 pagi hingga 10.00 malam.
- ii. Aktiviti *dine-in* di restoran atau kafe di premis *club house* adalah **DIBENARKAN** selaras dengan kebenaran *dine-in*. Pemilik premis perlu pastikan mereka yang memasuki premis untuk *dine-in* **MESTI** menunjukkan **sijil digital vaksinasi COVID-19 (digital certificate COVID-19 vaccination)** yang menunjukkan bahawa individu tersebut **telah menerima vaksinasi lengkap**.
- iii. Operasi bilik persalinan atau bilik mandi di premis *club house* adalah **TIDAK DIBENARKAN**. Ini bagi mengelakkan perkumpulan selepas bersukan dan mengurangkan risiko jangkitan.
- iv. Aktiviti yang dibenarkan adalah seperti jogging, senaman, taichi, berbasikal, *skateboarding*, memancing, ekuestrian, memanah, mendaki, tenis (*single*), badminton (*single*), golf, permotoran dan seumpamanya.
- v. Aktiviti yang dibenarkan juga termasuklah perkelahan dan perkhemahan. Penyertaan anak-anak berusia 17 tahun dan ke bawah adalah dibenarkan dengan pematuhan SOP yang ketat.

Sehubungan itu, Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Johor telah mengesahkan kemudahan terkini kepada individu yang telah lengkap divaksin **TERPAKAI DI NEGERI JOHOR**.

Di ingatkan supaya semua pelanggan dan pemilik premis perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan sepanjang berada di premis yang berlesen dan kawasan rekreasi yang dibenarkan. Tindakan tegas boleh diambil jika gagal mematuhi SOP yang telah ditetapkan

Sekian, Harap Maklum

Dengan Arahan

**YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH TANGKAK**